

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)59

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

59. *Pickleball* kini merupakan satu permainan yang semakin popular. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merancang untuk menukar beberapa gelanggang badminton di dewan balai rakyat yang diuruskan oleh PBT kepada gelanggang *pickleball* untuk meningkatkan minat rakyat terhadap sukan ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

59. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tiada cadangan untuk menukar gelanggang badminton di dewan komuniti milik MBSP kepada gelanggang *pickleball* untuk meningkatkan minat rakyat terhadap sukan ini. Walau bagaimanapun, pihak MBSP bersedia untuk mempertimbangkan cadangan ini sekiranya ada permintaan kelak.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga tiada sebarang perancangan untuk menukar gelanggang badminton kepada gelanggang *pickleball* di dewan balai rakyat. Walau bagaimanapun, MBPP mempunyai perancangan untuk membina sebuah gelanggang *pickleball* di dalam kawasan Taman Bandaraya (Youth

Park) pada tahun 2025.

Akan tetapi, terdapat aktiviti *pickleball* yang dianjurkan bersama YB Kawasan atau Ahli Majlis MBPP Kawasan di dewan/balai rakyat yang menggunakan garisan gelanggang badminton sedia ada seperti berikut:

- (i) Balai Rakyat Batu Lancang - Dirasmikan oleh YB Ong Ah Teong, ADUN Batu Lancang pada 29 Ogos 2024 dan beroperasi pada setiap hari Khamis, 9.00 malam hingga 11.00 malam;
- (ii) Balai Rakyat Taman Tun Sardon - Dirasmikan oleh YB Teh Lai Heng, ADUN KOMTAR pada 9 Oktober 2024 dan beroperasi pada setiap hari Rabu, 5.00 petang hingga 7.00 malam; dan
- (iii) Dewan Taman Harapan - Akan dirasmikan oleh Encik Quah Boon Lim, Ahli Majlis MBPP pada 19 November 2024 dan beroperasi pada setiap hari Selasa, 7.00 malam hingga 9.00 malam.

Secara amnya, sukan *pickleball* boleh dimainkan di atas gelanggang yang bersamaan bentuk dan saiznya (44 kaki panjang x 20 kaki lebar) dengan gelanggang badminton sama ada secara *indoor* atau *outdoor*, tanpa memerlukan pembinaan gelanggang yang baharu kecuali bagi tujuan untuk mewujudkannya jika diperlukan. Buat masa ini, permainan ini banyak dimainkan di gelanggang badminton sedia ada di seluruh negara dan hanya dibezakan dengan status ketinggian jaring 1.55 meter jaring badminton yang diperturunkan ke bawah sehingga 36 inci mencecah permukaan lantai.